



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

PROGRAM PENGIKTIRAFAN KEPADA AGENSI  
YANG TERLIBAT DENGAN BANTUAN BENCANA  
BANJIR NOVEMBER 2017

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**7 OKTOBER 2019 (ISNIN)**  
**10.30 PAGI**

### **AUDITORIUM**

**MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya MPSP

**Ketua – Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Wakil-wakil daripada Agensi Kerajaan, Swasta &NGO**

**Wakil-wakil daripada Agensi GLC**

**YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA MBSP

**En. Mohd. Tahir bin Othman**  
Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**En. Mat Nasir bin Hassan**  
Naib Yang Dipertua PESUKA

**En. Mohamad Nizam bin Md Shariff**  
Yang Dipertua PERMAI

**Pn. Latifah binti Razali**  
Pengerusi KOSPEMA

**Jurubahasa Isyarat**

**Rakan - rakan Media**

**Seluruh Kakitangan MPSP**

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya, dapat kita berkumpul pada pagi yang indah ini bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, wakil-wakil Persatuan MBSP, wakil-wakil daripada agensi kerajaan, swasta, NGO dan GLC, kakitangan MBSP dan semua yang hadir pada hari ini. Hari ini merupakan hari pertama bagi ucapan saya dalam Perhimpunan Korporat Bandaraya setelah dinaiktaraf pada 16 September 2019 sebentar tadi. Pada hari ini juga diadakan bersama Program Pengiktirafan Kepada Agensi yang terlibat dengan bantuan bencana banjir pada bulan November yang lalu.

### **Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Pada 4 November 2017 yang lalu, merupakan titik hitam bagi kita semua di mana telah berlakunya bencana banjir yang menjejaskan kebanyakan kawasan di Seberang Perai terutamanya Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara. Tsunami ini telah mengakibatkan banyak kerosakan harta benda dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengumpul semua kekuatan yang ada untuk membantu

mangsa-mangsa banjir. Selain itu, inilah dikatakan sebagai *Teamwork* atau kerjasama, di mana kekuatan yang ada tidak hanya bergantung pada Wira Orange MBSP sahaja bahkan penglibatan daripada agensi-agensi Kerajaan, swasta, NGO, dan GLC. Tahniah dan syabas kepada semua kerana kita membawa perubahan kepada corak cara kita bekerja. Keupayaan kita mengurus perubahan atau management change melalui proses kerja daripada bersendirian kepada pakatan strategik bersama sektor swasta bagi membolehkan kita memenuhi tuntutan atau kehendak stakeholders dan mampu bangun semula dalam masa yang singkat dan seterusnya menjadi Seberang Perai yang Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan dipacu oleh teknologi.

Pengajaran besar daripada bencana ini telah melahirkan Jabatan Pengurusan Krisis, *Community Emergency Response Team (CERT)* dan tiga (3) Pelan Pengurusan Bencana Seberang Perai iaitu Pelan Pengurusan Risiko, Pelan Pengurusan Krisis dan Pelan Pengurusan Pemulihan.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Pihak Majlis telah mula menjalankan kerja-kerja pembersihan pasca banjir bermula 5 November 2017 dengan membuat kutipan dan melupuskan sisa-sisa banjir tersebut di Tapak Pelupusan Ampang Jajar. Seramai 2709

kakitangan MBSP bersama ribuan sukarelawan telah terlibat dalam kerja-kerja pembersihan pasca banjir pada ketika itu. Sebanyak 117 jentera pembersihan MBSP dan juga 95 jentera pembersihan daripada agensi swasta telah digunakan untuk melancarkan kerja-kerja pembersihan tersebut. Antara jentera yang digunakan ialah seperti Lori Tipper 10 tan dan 5 tan, Lori Roro, Lori Tipper 1 tan, *Crane Grabber, Backhoe, Excavator, Shovel, Water Tanker* dan penyedut air longkang. Jentera yang ada di MBSP sahaja tidak dapat menampung jumlah pembersihan akibat bencana banjir tapi berkat kerjasama tuan-tuan dan puan-puan, kita telah berjaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Untuk makluman semua, sebanyak enam (6) Pusat Pembuangan Sampah Sementara dibuka bagi mempercepatkan kerja-kerja pembersihan sisa banjir. Di antaranya ialah:

- i. Tapak cadangan Pasar Awam Taman Sg Dua Utama
- ii. Depoh MBSP Padang Lallang, Bukit Mertajam
- iii. Taak Cadangan Stadium Hoki (Bersebelahan Kompleks Sukan Jalan Betek)
- iv. Tapak Tempat Letak Kereta Pasar Awam Sri Rambai, Bukit Mertajam
- v. Tapak Pasar Malam Perkampungan Juru
- vi. Tapak Tempat Letak Kereta Kompleks Makanan

Keseluruhan sisa banjir sehingga 26 November 2017 adalah sebanyak 15,942 tan melibatkan 3027 trip. Wira Orange kita mengerah keringat membantu melaksanakan kerja-kerja pembersihan selama 12 hari dengan bantuan sukarelawan dari dalam dan luar Negeri Pulau Pinang yang sedia membantu.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, sebanyak 3256 rumah yang terjejas, 162 kenderaan ditenggelami air, 9639 penduduk dipindahkan, 1194 pokok yang tumbang, 15,942 tan sisa banjir dan RM11.3 juta kerugian yang dialami. Satu peristiwa yang tidak dapat dilupakan di mana semua lapisan masyarakat berganding bahu tidak kira tua, muda, agama, bangsa dan fahaman politik. Sebagai tanda penghargaan setiap agensi yang terlibat akan diberikan plaque yang diperbuat daripada bahan upcycle dan sijil penghargaan.

Secara peribadi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 20 agensi Kerajaan, 27 agensi swasta dan NGO serta 7 agensi GLC yang bersama MBSP membantu meringankan beban mangsa-mangsa banjir.

MBSP ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sukarelawan ini atas bantuan jentera dan

tenaga kerja bagi melaksanakan pembersihan pasca banjir. Semoga kerjasama ini akan berterusan dalam usaha untuk menjadikan “ ***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow***”. ***Terima kasih, Syabas dan tahniah sekali lagi buat semua.***

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**